

WAQAF PADA ISTILAH

Satu ibadah yang dapat membantu manusia di muka bumi ini, malah perkara ini amat dituntut dalam agama Islam.

WAQAF DALAM KONSEP MUSAQAH

1. Instrumen terpenting selepas zakat dalam menggerakkan sumbernya ke arah pembangunan sosial ekonomi umat islam secara amnya.
2. Penggerak kepada pembangunan negara dari sudut ekonomi dan pertanian.

KONTRAK MUSAQAH

Satu alternatif yang perlu diketengahkan dalam membangunkan tanah waqaf terbiar.

Dengan mengimplementasikan kontrak musaqah ini, golongan miskin dapat dibantu dan populasinya akan berkurangan.

Malah, negara Malaysia akan mencapai misi 2020.

AHLI FUQAHA MENTAKRIFKAN WAQAF

Mazhab Imam Nawawi: Waqaf adalah terhalangnya harta yang boleh dimanfaatkan dari harta tersebut dengan mengekalkan zat harta tersebut.

Mazhab Imam Syafi'e: Waqaf adalah sedekah muhramat.

Jumhur Fuqaha: Harta pewaqafan adalah bertujuan mendekatkan diri kepada Allah S.W.T.

RUKUN MUSAQAH

1. Kedua pihak yang berkontrak (dilakukan oleh orang yang berakal dan baligh)
2. Punca kerja/ Objek musaqah (tumbuhan seperti buah kurma, anggur yang memiliki batang yang boleh dilakukan dan dihasilkan)
3. Buah (buah dikongsi dan hasil dibahagi sama rata)
4. Kerja (dilakukan sendiri agar mengetahui pengurusan tentang bila, cara, bagaimana pengurusan dilaksanakan)
5. Ijab dan Qabul (ijab: aku uruskan pohon buah anda dengan agihan hasil 30-70%) & (qabul: aku serahkan pengurusan pohon ini kepadamu dengan kontrak perkongsian hasil)

HADIS MEMBOLEHKAN AKAD DALAM KONTRAK MUSAQAH

Rasulullah S.A.W bersabda: "Ibnu Umar r.a telah menceritakan bahawa Rasulullah S.A.W pernah membenarkan penduduk Yahudi Khaibar untuk menggarap tanahnya dengan balasan separuh dari hasil kebun buah-buahan atau tanah pertaniannya." (Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim)

CONTOH HARTA WAQAF YANG DIMANFAATKAN

1. Pembinaan tanah kubur.
2. Pembinaan masjid.
3. Pembinaan pusat pendidikan.
4. Pembangunan sektor pertanian.
5. Pembangunan ekonomi.

HIKMAH KONTRAK MUSAQAH

1. Dapat mewujudkan persekitaran kerja yang harmoni.
2. Memupuk semangat ingin bekerja dikalangan golongan miskin.
3. Mengeluarkan golongan miskin daripada kancah kemiskinan yang melarat.
4. Hasil keuntungan daripada pengusahaan tanah waqaf terbiar dapat digunakan oleh golongan miskin untuk memiliki harta persendirian.
5. Kadar kemiskinan berkurangan.



By **inidiamohdtauhid**

cheatography.com/inidiamohdtauhid/

Published 20th June, 2020.

Last updated 20th June, 2020.

Page 1 of 1.

Sponsored by **ApolloPad.com**

Everyone has a novel in them. Finish Yours!

<https://apollopad.com>